

"Ini semua angkara politik" - Tun Mahathir

Astro Awani

17 Julai 2019

Faris Danial Razi,

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan, penyebaran video intim yang mengaitkan nama seorang menteri kanan merupakan komplot politik bagi menjatuhkan seseorang dalam dunia politik.

"Ini semua tentang politik, bukan tentang mendedahkan kesilapan seseorang. Ini tentang politik untuk menghalang seseorang daripada berjaya dalam politik," katanya kepada pemberita selepas program Sidang Kemuncak Melangkaui Paradigma di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), di sini hari ini.

Menurut Ahli Parlimen Langkawi itu, penyebaran video intim tersebut dianggap sebagai skema politik yang sudah tentu mempunyai niat untuk menghalang kejayaan seseorang.

Dalam masa sama, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada Azmin sendiri jika ingin mengambil atau sambung bekerja sewaktu disoalkan oleh wartawan mengenai status Menteri berkenaan.

"Ya, awak boleh ambil cuti atau teruskan sahaja kerja. Awak tidak bersalah selagi belum dibuktikan," ujar Perdana Menteri lagi.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/ini-semua-angkara-politik-tun-mahathir-212869>